

Mahathir: Anwar sama teruk dengan Obama
MalaysiaKini.com
22 Ogos, 2012

Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad membandingkan ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama yang menurutnya menabur banyak janji besar tetapi tidak dipenuhi.

Oleh itu beliau menggesa supaya sokongan diberikan kepada BN kerana Anwar, kata Mahathir, menjanjikan banyak perubahan tetapi tiada jaminan bahawa janji tersebut akan ditunaikan.

"Lebih baik syaitan yang anda kenal daripada malaikat yang anda tidak kenal," katanya dalam blog chedet.cc hari ini.

"BN mendengar (keluhan) rakyat dan mengubah banyak undang-undang dan dasar. Apa yang rakyat perlu lakukan adalah menggesa BN melaksanakan apa sahaja perubahan yang diinginkan," kata Mahathir.

Bekas perdana menteri itu menyatakan bahawa tindakan memberikan peluang kepada pembangkang untuk membentuk kerajaan selama lima tahun adalah langkah berbahaya kerana banyak perkara yang boleh dilakukan dalam tempoh itu.

"Banyak perkara boleh dimusnahkan dalam lima tahun. Selain itu, pembangkang yang menjadi kerajaan akan memastikan BN tidak kembali berkuasa. Pegawai kerajaan akan digunakan untuk mengancam sesiapa yang cuba menukar kerajaan," jelasnya.

Mahathir juga berkata, janji Pakatan untuk memberi pendidikan dan tol percuma serta bayaran 20 peratus kepada negeri pengeluar minyak akan menyebabkan negara akan menyebabkan negara menjadi bankrap seperti negara Greece.

Tambahnya, negara memerlukan dana yang cukup untuk membangunkan negara dan menghasilkan subsidi.

Namun sekiranya Pakatan membatalkan cukai, tol dan bayaran lain, negara akan kehilangan dana dan rizab tunai.

Menurutnya lagi, kerajaan hanya boleh meminjam wang sekiranya ia boleh menghasilkan keuntungan dari pelaburan dan bukannya untuk perbelanjaan.

Mahathir juga mendakwa Anwar hanya berminat untuk menjadi perdana menteri dan tidak membuat apa-apa perubahan ketika masih dalam kerajaan.

"Sekarang apabila menjadi ketua pembangkang, dia mendakwa mahu membawa perubahan. Perubahan apa yang diperkenalkannya semasa dia masih dalam kerajaan?"

"Apa yang dia mahu adalah untuk naik dalam Umno untuk menjadi perdana menteri. Bagaimana di mencapai objektif itu tidak dipertikaikan," katanya lagi.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malysiakini.com/news/206826>